

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[BUKIT MERTAJAM]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] meminta PERDANA MENTERI menyatakan statistik pesara yang kembali ke sektor pekerjaan mengikut pecahan jantina, kaum, negeri dan jenis industri.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, seramai 2,237 pesara Kerajaan telah mendaftar sebagai pencari pekerjaan di laman sesawang *JobsMalaysia* sehingga 31 Disember 2014. Seramai 1,026 orang telah berjaya mendapat pekerjaan berdasarkan perincian berikut:

- (a) Jantina: 75.8% adalah pesara lelaki manakala 24.2% pesara wanita.
- (b) Kumpulan perkhidmatan: 72 orang (7%) menjawat jawatan dalam kumpulan pengurusan dan profesional, 224 orang (21.8%) dalam kumpulan pengurusan pertengahan, 453 orang (44.2%) dalam kumpulan sokongan manakala 277 (27%) orang tidak dapat dikenalpasti kumpulan jawatan yang diisi.
- (c) Tempat bekerja: Melaka merupakan negeri tertinggi pesara kembali bekerja diikuti oleh Perak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

Sekian. Terima kasih.